

Sumbangan PM diberi

UM - 6 OCT 2003

Daripada **BADRUL AZHAR RAHMAN**
dan **ZULKEFLI HAMZAH**

BALI 5 Okt. — Sumbangan besar Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad yang menjadi tunggak utama di belakang ASEAN sepanjang beliau memegang jawatan Perdana Menteri akan diberi penghargaan pada sidang kemuncak badan serantau itu yang bermula di sini Selasa ini.

Sekretariat ASEAN telah mengatur jadual khusus pada hari pertama mesyuarat itu untuk mengadakan satu majlis memberi penghargaan kepada Dr. Mahathir pada hari tersebut.

Majlis yang diadakan di Pusat Konvensyen Antarabangsa Bali (BICC) di sini akan dihadiri oleh Presiden Indonesia, Megawati Soekarnoputri, Perdana Menteri Singapura, Goh Chok Tong, Presiden Filipina, Gloria Macapagal Arroyo, Perdana Menteri Thailand, Thaksin Shinawatra, Sultan Brunei, Hassanal Bolkiah, Perdana Menteri Vietnam, Phan Van Khai, Perdana Menteri Kemboja, Hun Sen, Perdana Men-

teri Laos, Bounyang Vorachit dan Perdana Menteri Myanmar, Khin Nyunt.

Pada majlis itu Megawati selaku pengerasi sidang kemuncak kali ini, akan menyampaikan ucapan penghargaan terhadap sumbangan Dr. Mahathir selama ini khususnya sebagai penggerak utama yang memperkasakan ASEAN dan usahanya untuk menarik kemasukan Kemboja, Laos, Myanmar dan Vietnam ke dalam badan serantau itu.

Dr. Mahathir juga akan menyampaikan ucapan balas pada majlis tersebut.

Presiden Indonesia itu juga akan menyampaikan cenderamata sebagai tanda ingatan ASEAN kepada Dr. Mahathir.

Ini merupakan sidang kemuncak ASEAN yang terakhir dihadiri oleh Dr. Mahathir yang dijadualkan melepaskan jawatan kepimpinan negara kepada Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi pada penghujung bulan ini.

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar dalam sidang akhbar di sini hari ini berkata, inilah pertama kali penghormatan seumpama itu diberikan oleh para pemim-



pin ASEAN ke atas seorang pemimpin negara anggota.

"Ini bukan saja merupakan satu penghormatan kepada Dr. Mahathir tetapi juga kepada negara Malaysia.

"Penghormatan itu diberi kerana Malaysia yang di bawah kepimpinan Dr. Mahathir

penghargaan

telah menunjukkan kebolehan dan keupayaan di arena antarabangsa," katanya.

Sumbangan Dr. Mahathir ini, katanya, telah meletakkan asas keyakinan yang kuat kepada ASEAN untuk bergerak lebih maju lagi.

Menurutnya, majlis penghormatan itu memberi peluang kepada Dr. Mahathir untuk mengucapkan selamat tinggal kepada rakan-rakan beliau dalam ASEAN dan para pemimpin ASEAN pula mengucapkan terima kasih atas sumbangannya selama ini.

Perdana Menteri juga mempunyai aturcara yang ketat semasa kehadirannya di pulau peranginan ini.

Sebaik saja tiba bersama isterinya, Datin Seri Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali di lapangan terbang antarabangsa Ngurah Rai, Denpasar tengah hari esok, Dr. Mahathir akan menghadiri mesyuarat Kawasan Pertumbuhan Timur ASEAN (BIMP-EAGA) yang melibatkan pemimpin dari Brunei, Indonesia, Malaysia dan Filipina.

Beliau kemudian melakukan kunjungan hormat ke atas Presiden Megawati di BICC

dan selepas itu mengadakan perjumpaan dengan Perdana Menteri Myanmar dan diikuti pula dengan Setiausaha Agung ASEAN, Ong Keng Yong.

Di sebelah malam, Dr. Mahathir akan menghadiri jamuan makan kerja dengan ketua-ketua kerajaan ASEAN dan selepas itu menyaksikan majlis menandatangani Perjanjian Pemegang-pemegang Saham Syarikat Perkongsian Getah Antarabangsa yang melibatkan Malaysia, Indonesia dan Thailand.

Pada keesokannya, Perdana Menteri akan menghadiri majlis perasmian sidang kemuncak ASEAN ke-9 di BICC dan majlis menandatangani Deklarasi Bali Concord II.

Beliau juga dijadual mengadakan perbincangan dua hala dengan Perdana Menteri Korea Selatan, Roh Moo-hyun, Perdana Menteri Vietnam dan Perdana Menteri China, Wen Jiabao.

Pada hari Rabu pula, Perdana Menteri akan menghadiri majlis menandatangani Perjanjian Kerjasama ASEAN dengan China dan diikuti sidang kemuncak ASEAN dengan Jepun, ASEAN + Korea Selatan dan ASEAN + India. — *Utusan*